



## SYARAT DAN PERATURAN ANUGERAH KHAS KUMPULAN PENYELIDIKAN

### ASAS ANUGERAH

Anugerah Khas Kumpulan Penyelidikan (RG) adalah satu bentuk **pengiktirafan yang diberikan kepada kumpulan penyelidikan yang cemerlang dalam pelbagai aspek penyelidikan**. Anugerah ini bertujuan untuk menghargai usaha dan kejayaan kumpulan penyelidikan yang telah memberikan sumbangan secara signifikan dalam Pengkayaan Sumber Penyelidikan dan Penjanaan Pendapatan UTeM, Keberhasilan Impak Kerjasama Industri-UTeM, Pemerkasaan Makmal Teknologi Industri-UTeM serta Ketrampilan dan Kepimpinan Penyelidik UTeM.

Salah satu kriteria utama bagi kelayakan menerima anugerah ini adalah pencapaian penarafan **5 bintang** oleh Pusat Pembuatan dan Teknologi Pintar (SMTTC), yang melambangkan tahap kecemerlangan tinggi serta impak signifikan kumpulan tersebut dalam bidang penyelidikan.

Anugerah ini bukan sahaja sebagai pengiktirafan, malah berfungsi sebagai pemangkin kepada peningkatan budaya penyelidikan berimpak tinggi, selaras dengan aspirasi universiti untuk memperkukuh kedudukannya di peringkat global.

### SYARAT PENCALONAN

Berikut merupakan syarat pencalonan bagi kategori Anugerah Khas Kumpulan Penyelidikan:

#### 1. **Penyertaan adalah secara berkumpulan**

Pencalonan hendaklah dikemukakan secara berkumpulan dan kumpulan penyelidikan tersebut mestilah **berdaftar dengan Pusat Pembuatan dan Teknologi Pintar (SMTTC)**. Pencalonan hanya boleh dikemukakan oleh pihak SMTTC.

## 2. **Sumbangan dan Penilaian Penarafan**

Kumpulan penyelidikan mestilah telah memberikan sumbangan cemerlang dalam bidang penyelidikan dan telah melalui proses penilaian serta menerima **penarafan daripada SMTC**.

## 3. **Pencalonan Semula**

Sekiranya kumpulan penyelidikan pernah menerima anugerah ini sebelum ini, pencalonan semula hanya akan dipertimbangkan selepas tempoh **satu (1) tahun** dari tarikh penganugerahan terdahulu.

## **PROSEDUR PENCALONAN**

1. **Pencalonan rasmi akan dikemukakan oleh Pusat Pembuatan dan Teknologi Pintar (SMTC)** bagi kumpulan penyelidikan yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

## **KRITERIA PENILAIAN**

Penilaian bagi **Anugerah Khas Kumpulan Penyelidikan** adalah berdasarkan tahap kecemerlangan kumpulan berbanding kumpulan penyelidikan lain, merangkumi empat aspek utama berikut :

### **A. **Pengkayaan Sumber Penyelidikan dan Penjanaaan Pendapatan UTeM (30%)****

- A1. Geran Industri/NGO
- A2. Geran Padanan Nasional-Industri
- A3. Geran Padanan Antarabangsa-Industri
- A4. Pendapatan kasar melalui perundingan (industri)
- A5. Pendapatan kasar melalui perkhidmatan professional/makmal

### **B. **Keberhasilan Impak Kerjasama Industri-UTeM (40%)****

- B1: Projek Industri/Agensi berbentuk perkhidmatan
- B2: Penerbitan bersama industri (Penerbitan dalam jurnal, laporan teknikal, artikel majalah, buku dan lain-lain)

**C. Pemerkasaan Makmal Teknologi Industri-UTeM (10%)**

- C1. Makmal pusat penyelidikan industri (industry design house) untuk penyelidikan/inovasi/pembangunan produk
- C2. Fasiliti/peralatan penyelidikan berimpak tinggi (*high-end industry facilities*)
- C3. Akreditasi perkhidmatan makmal
- C4. Hadiah (infrastruktur makmal)

**D. Ketrampilan dan Kepimpinan Penyelidik UTeM (20%)**

- D1: Penyelidik utama projek penyelidikan
- D2: Pakar teknikal / pakar rujuk industri (*industry referred*)

**PROSEDUR PENILAIAN**

Penilaian Anugerah Khas Kumpulan Penyelidikan akan dilaksanakan oleh **Panel Penilai Teknikal Anugerah Khas Kumpulan (Kumpulan Penyelidikan)**. Panel ini akan menjalankan penilaian berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan untuk memastikan ketelusan dan keadilan dalam proses pemilihan penerima anugerah.

**TITIK AMBANG**

50 markah dan ke atas.

**NILAI ANUGERAH**

Nilai Anugerah Khas Kumpulan Penyelidikan adalah **seperti berikut**:

- i. **Penerima Anugerah RM4,000.00** (Ringgit Malaysia : Empat Ribu Sahaja) beserta **sebuah piala dan sijil penghargaan**.
- ii. **Saguhati** sebanyak **RM500.00** kepada **2 kumpulan** yang memperolehi markah tertinggi.
- iii. Sijil penghargaan kepada semua pencalonan yang memasuki saringan akhir di peringkat Universiti.